

Rahmat tersembunyi untuk rakyat di sebalik kegawatan

ALOR SETAR 19 Okt. — Belanjawan 2002 yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merupakan rahmat tersembunyi kepada rakyat di sebalik kegelisahan menghadapi kegawatan ekonomi dunia. **UM 20 OCT 2001**

Beberapa inisiatif seperti penurunan cukai pendapatan, pembayaran bonus, kenaikan gaji dan elaun kakitangan awam dan kemudahan perumahan membuktikan kerajaan tidak mengabaikan nasib golongan berpendapatan rendah.

Semasa mengulas pembentangan belanjawan itu oleh Perdana Menteri, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri memberitahu, beberapa inisiatif dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dapat membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

Menurut beliau, langkah yang diambil juga menunjukkan bahawa kerajaan tidak meletakkan beban ekonomi yang berdepan dengan krisis di atas bahu rakyat semata-mata.

“Pengecualian peralatan import bagi kegunaan di institut pengajian tinggi (IPT) juga turut membantu para pelajar dari segi kewangan seperti mengurangkan kos fotostat.

“Sehubungan itu saya berharap para peniaga dapat mengambil tindakan susulan dengan mengurangkan harga perkhidmatan mereka,” katanya.